

Dr **Mohd Yahya Mohd Ariffin**



(Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia)

Golongan pencari kerja di pasaran

Terdapat banyak golongan pencari kerja di pasaran hari ini, namun begitu penulisan ini hanya tertumpu kepada lima kategori pencari kerja kerana mereka ialah pesaing kepada pelajar institusi pengajian tinggi (IPT).

Mereka terdiri daripada graduan IPT tempatan dan luar negara, yang sedang bekerja, yang diberhentikan kerja, bekerja di luar negara dan warga asing di negara ini.

Apakah yang dimaksudkan pencari kerja? Pencari kerja ialah individu yang belum bekerja, pekerja sementara atau yang bertukar kerja kerana ingin meningkatkan pendapatan dan taraf hidup.

Graduan IPT

Golongan ini memiliki ijazah atau diploma dan bakal menjadi eksekutif, pegawai dan pengurus di sesebuah organisasi atau syarikat. Pada 2011 seperti dilaporkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (Kini Kementerian Pelajaran Malaysia), jumlah graduan yang dilahirkan oleh IPT awam dan swasta berjumlah 184,581 orang. Jumlah ini tidak termasuk lulusan dari luar negara.

Pada masa depan jumlahnya bertambah memandangkan kerajaan membuat unjuran untuk meningkat-

kan pengambilan pelajar ke IPT awam dan swasta. Pada 2015 sasaran ditingkatkan kepada 532,502 peringkat sarjana muda (Rancangan Malaysia Ke-10).

Berdasarkan statistik ini, tentunya akan berlaku persaingan dalam kalangan graduan untuk mendapatkan pekerjaan.

Mereka yang bekerja

Mereka terdiri daripada pekerja tetap, pekerja kontrak dan pekerja sambilan atau sementara. Tujuan pekerja tetap mencari pekerjaan lain disebabkan beberapa perkara termasuk mahu mendapat tawaran gaji dan ganjaran yang lebih baik dan untuk meningkatkan kerjaya.

Selain itu, meningkatkan taraf hidup, tidak berminat dengan kerja sedia ada, suka bertukar kerja atau untuk mencari kepuasan diri. Banyak syarikat swasta yang mencari dan menawarkan pekerjaan kepada individu yang berpengalaman dalam bidang berkaitan dengan memberi gaji dan imbuhan yang lebih tinggi.

Pekerja kategori kontrak dan sementara atau sambilan juga akan mencari pekerjaan lain yang tetap dan lebih terjamin. Mereka berasa tidak selesa dan bimbang kerana bakal kehilangan kerja jika majikan tidak memerlukan lagi khidmat mereka.

Terdapat kakitangan yang sedang bekerja mempunyai peluang untuk dinaikkan pangkat oleh majikannya atau bekerja di organisasi lain. Peluang ini

diperoleh selepas seseorang itu menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang, atau pengalaman atau kerana berjaya memiliki kelulusan akademik yang lebih tinggi.

Pekerja yang diberhentikan

Sebenarnya, masalah pekerja diberhentikan berlaku di mana-mana negara termasuk negara maju akibat kemelesetan ekonomi. Alhamdulillah, di negara ini kes pemberhentian pekerja khususnya di sektor swasta adalah kecil memandangkan ekonomi negara baik dengan kadar pertumbuhan melebihi lima peratus sejak beberapa tahun.

Tetapi, jika keadaan ekonomi tidak menentu boleh menyebabkan banyak syarikat swasta terpaksa mengurangkan kos operasi bagi meneruskan operasi

mereka atau mungkin terpaksa 'gulung tikar' akibat kerugian. Tindakan itu menyebabkan pekerja terpaksa diberhentikan.

Terdapat juga pekerja yang bekerja secara kontrak untuk tempoh tertentu terpaksa menganggur kerana kontraknya telah ditamatkan oleh majikan. Mereka memasuki semula pasaran pekerjaan dan tergolong sebagai kumpulan pencari kerja yang berpengalaman.

Profesional tempatan di luar negara

Kerajaan menggalakkan profesional Malaysia yang bekerja di luar negara untuk menyumbang kemahiran di tanah air dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi, industri, sains dan teknologi, kesenian, perubatan dan kesihatan, kewangan dan perakaunan.

Ketika pembentangan RMK-10, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menjelaskan bahawa dianggarkan lebih 700,000 warga Malaysia sedang bekerja di luar negara dan kebanyakannya berkemahiran tinggi dan profesional.

Pada 2011 kerajaan menubuhkan Talents Corporation yang bertindak sebagai badan yang menguruskan

para profesional ini untuk kembali berkhidmat di negara ini. Talents Corporation bermatlamat menarik, memotivasi dan mengekalkan modal insan berkemahiran tinggi dalam dan yang berada di luar negara untuk memantapkan penjanaan setiap sektor ekonomi melalui peningkatan kemahiran tenaga kerja dalam usaha mentransformasi ekonomi berpendapatan tinggi.

Kepulangan mereka mungkin meningkatkan persaingan dengan pencari kerja yang sedia ada dalam merebut peluang pekerjaan di pasaran.

Warga asing

Ramai warga asing bekerja di sektor yang tidak dapat ditampung oleh rakyat negara ini seperti pengurus syarikat swasta, jurutera doktor, jururawat dan paramedik. Kehadiran mereka atas kelulusan kerajaan bagi memastikan perkhidmatan awam dan perkembangan perniagaan tidak terjejas disebabkan kekurangan tenaga profesional.

Kajian oleh MIER menunjukkan pada 2007, dianggarkan antara 200,000 hingga 300,000 peluang pekerjaan baru berjaya diwujudkan di negara ini. Daripada jumlah itu, sebanyak 20 peratus dikuasai warga asing.